



PLITVICE LAKE

# 12 HARI 9 MALAM BALKANS + EROPAH TIMUR

Sarajevo – Mostar – Dubrovnik – Neum – Split – Zadar – Plitvice National Park – Ljubljana – Salzburg – Hallstatt – Vienna – Krakow – Warsaw

### HARGA FIESTA

ALL-IN RM **8,890**

### WARGA EMAS

ALL-IN RM **8,790**



## MUSIM

Musim Bunga Mac - Mei  
Musim Panas Jun - Ogos  
Musim Luruh September - November  
Musim Sejuk Disember - Februari



## MATAWANG

Croatian Kuna 1 kn = RM0.64  
Macedonia Denar 1 Ден = RM0.077  
Euro 1 € = RM4.78  
Albanian Lek 1 L = RM0.038  
Bosnia Convertible Mark 1 Km = RM2.43



## PERBEZAAN WAKTU

Croatia : - 7 JAM  
Macedonia : - 7 JAM  
Montenegro : - 7 JAM  
Albania : - 7 JAM  
Bosnia : - 7 JAM  
Greece : - 6 JAM



## HOTEL PENGINAPAN

SARAJEVO	1	Hotel Hollywood / setaraf
MOSTAR	1	Hotel Villa Eden / setaraf
NEUM	1	Hotel Orka / setaraf
ZADAR	1	Hotel Zadar / setaraf
ZAGREB	1	Hotel Aristos / setaraf
SALZBURG	1	Hotel Golden Theater /setaraf
VIENNA	1	Hotel Pyramidia / setaraf
KRAKOW	1	Hotel Justyna / setaraf
WARSAW	1	Hotel Mercure Warszawa Centrum / setaraf



KOTOR

### HARI 1 KUALA LUMPUR - ISTANBUL

Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 3 jam sebelum berlepas bagi penerbangan menuju ke Sarajevo melalui Istanbul.

### HARI 2 ISTANBUL - SARAJEVO



Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sarajevo dan dijemput oleh pemandu pelancong. Tetamu akan dibawa makan tengahari di restoran tempatan. Memulakan lawatan ke **Tunnel of Hope** iaitu sebuah rumah yang terdapat di dalamnya terowong keluar masuk rakyat Bosnia dari kepungan tentera Serbia ke atas bandar Sarajevo bagi mendapatkan bekalan makanan dan ubatan. Seterusnya, tetamu akan dibawa ke kawasan Bascarsija atau **Old Town Bazaar** di tengah bandar Sarajevo untuk membeli-belah sambil berfoto di Sebilj iaitu sebuah monumen kayu yang dibina pada tahun 1753, menunaikan solat di **Gazi Husrev-bey Mosque** yang merupakan masjid yang terbesar di negara ini dibina pada tahun 1530 di zaman Uthmaniyyah, Sahat Kula iaitu sebuah menara jam yang dibina seawal abad ke-17, **Sacred Heart Cathedral** yang cukup terkenal kerana binaannya dan di hadapannya terletak salah satu tapak **Sarajevo Roses**, nama yang diberi kepada kesan letupan bom mortar ketika Perang Bosnia yang disimen semula dengan warna merah dan juga berfoto di City Hall yang juga dikenali sebagai Vijecnica. Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.

### HARI 3 SARAJEVO - MOSTAR



Sarapan pagi di hotel. Meneruskan perjalanan memasuki negara Bosnia and Herzegovina dan melawat sekitar kota **Mostar** yang cukup indah dengan tarikan-tarikan seperti **Old Bridge Stari Most** yang merupakan ikon pelancongan kepada perkampungan dan negara ini, **Tara dan Halebija Towers** yang mengapit jambatan tersebut, **Karadovz Bey Mosque** yang dibina pada 1554 oleh arkitek Mimar Sinan merupakan antara masjid yang tercantik di negara ini, **Koski Mehmed Pasha Mosque** yang dibina pada 1618 dan **Turkish Hammam** yang wujud sejak abad ke-16 lagi sejak zaman pemerintahan Uthmaniyyah. Tetamu akan diberi masa bebas untuk membeli-belah di **Kujundziluk Old Bazaar** yang mana menjual pelbagai jenis barangan buatan tempatan dan cenderamata. Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.

### HARI 4 MOSTAR - DUBROVNIK - NEUM



Sarapan pagi di hotel dan lawatan pada hari ini diteruskan dengan menyusuri **Old Town Dubrovnik** untuk melihat tarikan pelancongan di situ seperti **Rector's Palace** yang pernah menjadi istana pemerintahan kota ini antara abad ke-14 hingga 18, **Franciscan Church and Monastery** yang dibina pada tahun 1360 namun telah beberapa kali musnah dek bencana, **Museum of Croatian War of Independence**, **Sponza Palace**, **Clock Tower** dan **Orlando's Column** yang menggambarkan pahlawan Dubrovnik abad ke-8 yang terletak di **Luz Square Stradun**. Bertolak ke Neum, makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.



WAWEL CASTLE

### HARI 5 NEUM - SPLIT - ZADAR



Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Bertolak ke **Split**, Croatia sebelum meneruskan perjalanan ke Zadar. Lawatan ke **City Gate**, **St Donat Square** dan berpeluang untuk membeli-belah cenderahati. Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.

### HARI 6 ZADAR - PLITVICE NATIONAL PARK - ZAGREB



Sarapan pagi dan daftar keluar hotel, bertolak memasuki negara Croatia untuk menikmati keindahan alam semula jadi di **Plitvice Lakes National Park** setanding dengan gelaran yang diberi padanya iaitu Syurga Dunia. Kawasan taman negara ini cukup indah dengan panorama memukau air terjun dan tasiknya di mana tetamu boleh menyelusuri titi kayu yang dibina di sepanjang tasik ini, malahan boleh meraih pengalaman menaiki bot persiaran menyusuri tasik. Makan tengahari di restoran tempatan Bertolak menuju ke kota Zagreb dan setibanya di sana, makan tengahari dan bersolat di **Zagreb Mosque** yang dibina pada tahun 1987 atas derma dari Sultan Sharjah, salah seorang Emir di UAE. Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.

### HARI 7 ZAGREB - LJUBLJANA - SALZBURG



Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Bertolak menuju ke **Ljubljana** dan makan tengahari di restoran tempatan. Melawat sekitar **Ljubljana Old Town**, **Square of Preserendran Dragon Bridge** dan lain lain tarikan di sana. Seterusnya tetamu akan dibawa ke Salzburg yang terkenal sebagai kota kelahiran komposer muzik legenda dunia iaitu Mozart. Makan malam di Restoran tempatan halal dan daftar masuk hotel



**HARI 8**  
**SALZBURG – HALLSTATT – VIENNA**



Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Bertolak ke **Hallstatt**, juga dikenal sebagai "kota garam" yang tertua di dunia. Di sini terletaknya tasik yang sangat cantik, dan diiktiraf oleh UNESCO World Heritage. Tetamu berpeluang menaiki keretapi funikular untuk sampai ke **Walterbeblick Skywalk** yang menawarkan pemandangan unik **Lake Hallstatt** yang terbentang luas dan panorama gunung yang mengagumkan di sekelilingnya. Pasti pelbagai foto dan selfie menarik akan dapat dirakamkan di sini untuk dibawa pulang sebagai kenangan. Setelah puas di sini, tetamu akan turun semula untuk di bawa pula ke **Old Town Hallstatt** dan **Market Square** bersebelahan tasik tersebut untuk melihat perkampungannya dan juga membeli cenderahati dan barangan tempatan untuk dibawa pulang. Sambil itu, jangan melepaskan peluang untuk bergambar dengan pemandangan dan bangunan di sekitarnya kerana Hallstatt merupakan bandar paling cantik di Austria. Meneruskan perjalanan ke Vienna. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

**HARI 9**  
**VIENNA – KRAKOW**



Usai bersarapan pagi di hotel, tetamu akan dibawa melawat sekitar kawasan pentadbiran negara ini antaranya ialah **Hofburg Palace** yang merupakan kediaman rasmi dan pejabat Presiden Austria yang dahulunya kediaman keluarga diraja Hofburg, **Maria Theresa Statue** yang terletak di **Maria-Theresien-Platz** sambil diapit oleh 2 bangunan medieval **Natural History Museum** dan **Art History Museum** dan akhirnya ke **Wiener Rathaus** yang merupakan bangunan pejabat pentadbiran datuk bandar ini yang cukup Gothic rekaannya. Bersolat di **Vienna Islamic Centre**, masjid terbesar di Austria yang dibina oleh Raja Faisal dari Arab Saudi pada tahun 1975 sebelum diberi masa bebas di **Stephansplatz** dan **Karntnerstrasse** untuk membeli-belah di butik berjenama terkenal seperti Bucherer dan Swarovski serta berpeluang merasai pengalaman menaiki kereta kuda dengan biaya sendiri di **St. Stephen's Cathedral**. Sekiranya masa

mengizinkan, tetamu akan dibawa melawat ke **Hunderwasser "Kalke" Village**, rumah binaan seorang artis bernama Hunderwasser yang terkenal kerana tidak menggunakan prinsip garisan lurus dan merupakan tempat yang cukup menarik untuk bergambar dan membeli cenderamata. Kemudian meneruskan perjalanan ke Krakow. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

**HARI 10**  
**KRAKOW – WARSAW**



Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Melawat sekitar **Krakow**, bandar paling popular di Poland dan menyimpan banyak bangunan seni bina yang menawan dari zaman dahulu kala. Lawatan ke **Wawel Castle (Royal Castle)** yang merupakan kediaman Istana yang terletak di tengah Krakow, Poland. Sekitar halaman Istana terdiri daripada beberapa struktur seni bina Italy. Pada tahun 1978 ia diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO sebagai sebahagian daripada Pusat sejarah Krakow. Seterusnya tetamu dibawa ke **Cloth Hall**, menjadi simbol utama bandar Krakow dan merupakan pusat kemersial tertua di Krakow. Tetamu berpeluang untuk membeli-belah di sekitar **Market Square Old town**. Bertolak menuju ke Warsaw, makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.

**HARI 11**  
**WARSAW – ISTANBUL**



Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Melawat sekitar Ibu Negara Poland, **Warsaw** sebuah kota yang penuh dengan sejarah dan mempunyai tarikan yang menarik. Antaranya melawat **Warsaw Old Town**; **Old Town Market Place**, **Old Town Observation Terrace** dan **Lazienki Palace**. Mempunyai masa bebas untuk membeli cenderahati Warsaw sebelum bertolak ke lapangan terbang untuk pulang ke Kuala Lumpur.

**HARI 12**  
**ISTANBUL - KUALA LUMPUR**

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).



**8 Sep 2019** **TURKISH AIRLINES**

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 9,790	RM 11,090	RM 9,290	RM 8,390	RM 7,590
Warga Emas	RM 9,690	RM 10,990			
FIESTA	RM 8,890	RM 10,190	RM 8,390	RM 7,490	RM 6,690
Warga Emas	RM 8,790	RM 10,090			

**20 Okt | 3 Nov 2019** **TURKISH AIRLINES**

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 9,290	RM 10,390	RM 8,790	RM 7,990	RM 7,190
Warga Emas	RM 9,190	RM 10,290			
FIESTA	RM 8,490	RM 9,590	RM 7,990	RM 7,190	RM 6,390
Warga Emas	RM 8,390	RM 9,490			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	TK 61	K. LUMPUR - ISTANBUL	2340	0620
02	TK 1021	ISTANBUL - SARAJEVO	1105	1105
11	TK 1766	WARSAW - ISTANBUL	1855	2225
12	TK 60	ISTANBUL - K. LUMPUR	0145	1715

**Pakej Termasuk**

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan segala cukai penerbangan.
- Elaun bagasi (check in) 30kg sehala dan bagasi kabin 7kg.
- Hotel penginapan bertaraf 4\* sepanjang lawatan (rujuk senarai hotel ditawarkan).
- Cukai bandar (city tax) sekiranya memerlukan.
- Tiket masuk ke tempat lawatan seperti dalam aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Percuma edisi beg kembara khas (kecuali bayi) Wan Vacation Sdn. Bhd.

**Pakej Tidak Termasuk**

- Insurans kembara (travel insurance) – sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam tarikh perlepasan).
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.



HALLSTATT